

Kembali meminati sains

Oleh FAUZI JAAFAR
(WARTAWAN UTUSAN)

U.M. 22.01.07 M/S 11

ilmu perubatan.

Oleh kerana begitu 'berkesannya' buku tersebut, ia telah diulang cetak lebih 16 kali sepanjang 30 tahun. Dan Eropah mengambil kesempatan menjadikan ia sebagai mata pelajaran di universiti dan fakulti perubatan sehingga abad ke-17.

Begitu juga dengan Abu Hamid Muhammad al-Ghazali yang lebih sinonim dengan Imam Ghazali, tokoh falsafah terulung yang mengarang lebih 69 buah kitab dan yang paling terkenal ialah kitab *Ihya Ulumuddin*.


Manakala Abu Bakar Muhammad Ibn Yahya atau Ibnu Bajjah, adalah tokoh dalam falsafah Islam, ilmu kedokteran, ilmu falak dan muzik.

Demikian juga Ar-Razi, adalah tokoh perubatan yang mengarang lebih 200 buku.

Abul Kasim Khalaf Ibn Abbas yang merupakan pakar bedah terunggul dunia Islam.

Kesemua ilmuwan Islam itu telah mencetuskan ilmu sains moden yang hingga kini dijadikan asas kepada beberapa penemuan oleh saintis dunia Barat.

Sejarah telah membuktikan bahawa ketika zaman kegemilangan Islam, umat Islam telah banyak menjuarai banyak bidang keilmuan



"BACALAH (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya." Surah al-Alaq: 1-5.

ITULAH wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang dilantik menjadi Rasul bagi memimpin umat Islam.

Surah itu menunjukkan bahawa betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada kehidupan manusia yang sentiasa berurusan dengan alam dan mengeksploitasikan alam untuk kehidupan mereka.

Wahyu yang pertama itu telah mewujudkan tamadun Islam yang tinggi ilmu pengetahuan terutamanya ilmu sains hingga dicemburui oleh tamadun lain.

Kekaguman

Pada masa itu, Nabi Muhammad s.a.w. mampu menyusun kekuatan baru untuk melakukan reformasi peradaban sama ada dari sudut ideologi, teologi sehinggalah kepada kebudayaan.

Usaha baginda itu kemudian dilanjutkan oleh para ilmuwan Islam melalui penubuhan institusi dan bangunan pemikiran yang ulung, penguasaan dan pengembangan sains atas dasar semangat iqra' dan amal soleh.

Sejarah telah membuktikan bahawa ketika zaman kegemilangan Islam, umat Islam telah banyak menjuarai banyak bidang keilmuan.

Ketika pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah hingga tahun 1250 Masihi dan sehinggalah berakhirnya era kejayaan Sepanyol Islam di Eropah, umat Islam mampu mewujudkan tamadun masyarakat yang berperadaban tinggi.

Ketika itu lahirnya tokoh-tokoh Islam terkenal dalam beberapa ilmu sains, perubatan, falsafah, astronomi, muzik dan sebagainya.

Tokoh-tokoh seperti Ibnu Sina, Imam Ghazali, Ar-Razi, Muhammad Ibn Jabir, Ibn Rusyd, Al-Khawarizmi, Al-Baruni, adalah merupakan sebilangan daripada tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang terkenal.

Ibnu Sina misalnya, merupakan tokoh perubatan yang terulung. Buku beliau, *Al-Qanun Fit-Tib* meliputi semua cabang

Kekaguman dunia Barat terhadap ilmuwan Islam itu telah menggelarkan mereka dengan nama Barat seperti Avicenna untuk Ibnu Sina, Averance untuk Abu Bakar Muhammad atau Ibnu Bajah, Algazel untuk Imam Ghazali, Rhazes untuk Ar-Razi dan sebagainya.

Barat mengagumi penemuan dan kitab-kitab saintis Islam itu hingga ada yang disalin semula dan ada yang dibawa ke negara mereka.

Misalnya buku berjudul *Majmu* karya Abu Bakar Muhammad, disimpan di Berlin untuk edisi Jerman dan Oxford untuk edisi Inggeris.

Pada zaman kejayaan umat Islam di Sepanyol, para pemuda Kristian banyak belajar di universiti-universiti Islam seperti Universiti Cordoba, Seville, Malaga, Granada dan Samalanca.

Selama belajar di Sepanyol, mereka giat menterjemahkan buku-buku karya intelektual Muslim ke dalam bahasa mereka termasuk ilmu kedokteran, ilmu pasti dan falsafah.

Boleh diandaikan, kebanyakan ilmu sains masa kini adalah hasil daripada karya-karya ilmuwan Islam yang mencipta beberapa cabang ilmu seperti fizik, kimia, biologi dan sebagainya.

PINTU masuk ke ruang Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 8 hingga 14 Januari ini.

Ketika zaman itu, umat Islam telah mencapai kemuncak dalam dunia sains.

Penemuan-penemuan baru umat Islam ketika itu dikagumi oleh Barat yang kemudiannya menterjemahkannya kepada produk kehidupan seharian mereka seperti penggunaan kopi, sabun, peralatan bedah, algebra, vaksin, arkitek, seni bina Islam dan sebagainya.

Mungkin kita tertanya-tanya siapakah yang mencipta jam yang kita guna sehingga hari ini.

Jam awal yang dilengkapi pegas dan loceng dicipta oleh Taqiyyuddin, sarjana Bani Uthmaniah dalam kitabnya yang digerakkan oleh pegas berpusing dan mempunyai empat plat bagi nombor.

Manakala jam air yang menunjukkan minit terdapat dalam buku *al-Khazini* yang ditulis pada tahun 1121 Masihi.

Bagaimanapun, setelah tamadun Islam berakhir, pakar-pakar saintis, karya-karya agung Islam juga lenyap dibawa ke Barat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, pada abad-abad berikutnya kegemilangan masyarakat Islam semakin hilang kerana dibayangi kemajuan tamadun Barat.

Sejak itu pencapaian masyarakat Islam dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan sentiasa ketinggalan di belakang masyarakat Barat, kata beliau.

Sehubungan itu, kementerian katanya akan mengadakan Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam yang berlangsung di seluruh negara selama tiga bulan bermula Januari hingga Mac 2007.

Pameran yang akan dimulakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 8 hingga 14 Januari dan di Pusat Sains Negara pada 23 Januari hingga 31 Mac 2007.

Ia bukanlah bertujuan untuk sekadar mengenang, tetapi sebagai pencetus kepada umat Islam bahawa apa yang dicipta di barat itu berasaskan kepada saintis Islam di zaman kegemilangan tamadun Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah berkata, selagi umat Islam masa kini berbangga dengan kejayaan lampau, ia tidak akan membawa ke mana-mana.

Sehubungan itu, beliau meminta umat Islam masa kini bangun dan menuntut ilmu supaya dapat mengembalikan kejayaan umat Islam yang lampau.